

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	22 JANUARY 2017

'Tun M bawa bencana kepada pembangkang'

BH - 22/1/2017

Kuala Lumpur: DAP disifatkan berada di persimpangan susulan pelbagai kenyataan dangkal dan pusingan U dilakukan Tun Dr Mahathir Mohamad, yang asalanya dianggap sebagai 'kuda' politik pakatan pembangkang.

Bekas Naib Pengerusi DAP, Tunku Abdul Aziz Tunku Ibrahim, menjangkakan Dr Mahathir yang ketika ini dibayangi pelbagai kekeliruan dan terdesak menjadikan anaknya sebagai Perdana Menteri akan melakukan beberapa percaturan tidak matang.

Katanya, Dr Mahathir akan tersungkur dengan mengeluarkan kenyataan bercanggah dan pusingan U berkaitan pelbagai isu, termasuk krisis 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

"Dr Mahathir hidup bersandarkan krisis yang beliau sendiri cetuskan, justeru pelbagai situasi, pergolakan dan gosip akan ditimbulkan pada masa depan supaya kerjaya politiknya kekal subur.

"Jika saya masih dalam DAP, sudah tentu timbul kewajaran untuk mempersoalkan kehadiran Dr Mahathir, yang sebelum ini diangkat sebagai anugerah Tuhan.

"Berdasarkan pelbagai kekecohan melanda, saya rasa DAP boleh menyingkirkan Dr Mahathir sebelum beliau membawa pelbagai tragedi kepada pakatan pembangkang," katanya pada sidang media, semalam.

Duri dalam daging

Beliau berkata, Dr Mahathir tidak akan 'tutup mata' selagi impiannya menjadikan anaknya, Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri dan meranapkan institusi kepemimpinan Datuk Seri Najib Razak, tidak tercapai.

Dendam kesumat itu, katanya, akan menjadi duri dalam daging kepada pakatan pembangkang, selain mengakibatkan DAP dibelenggu igauan ngeri menjelang Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14).

Katanya, pusingan U dilakukan Dr Mahathir itu juga mengesahkan bahawa DAP selama ini memang mengintai peluang menduduki kerusi Timbalan Perdana Menteri sebagai habuan kerana menyokong Mukhriz menjadi Perdana Menteri.

Di **Bukit Mertajam**, Ketua Ahli Parlimen DAP, Lim Kit Siang menyifatkan pendedahan terbaharu Dr Mahathir berhubung jawatan Timbalan Perdana Menteri sebagai 'langkah tepat' kepada gabungan dan kerjasama bersama pakatan pembangkang.

Beliau berkata, kenyataan Dr Mahathir itu, sekali gus membuktikan bahawa DAP tidak pernah mengusulkan sebarang permintaan bagi jawatan berkenaan, yang antara lain membuktikan laporan terdahulu adalah tidak berasas.